

Graduan kongsi debaran jadi doktor pelatih haiwan

Oleh: Nur Syamila Kamarul Arefin



SERDANG, 30 November- Ternyata sejak kecil gadis yang berasal dari Sabah ini sudah mempunyai cita-cita menjadi seorang doktor veterinar bagi memberi kesihatan terbaik kepada kucing dan anjing jalanan.

Namun dia tidak menyangka apabila berada di dalam dunia perubatan haiwan, bukan sekadar kucing dan anjing saja perlu diberi perhatian dalam soal kesihatan.

Selagi ia bernama haiwan segala-galanya perlu dipelajari termasuk selok belok merawatnya selama lima tahun di Fakulti Perubatan Veterinar (FPV), Universiti Putra Malaysia (UPM).



Graduan Sains Veterinar FPV UPM, Avril Lim Shu Ting, 26, berharap beliau akan berada di dalam dunia perubatan veterinar memandangkan dia bukan sahaja dapat merawat malah berpeluang mendekati pelbagai jenis haiwan termasuk haiwan liar.

"Pengalaman tidak dapat dilupakan ketika menjadi doktor pelatih ialah apabila dia terpaksa "on call" di Universiti Veterinary Hospital, Titiwangsa untuk kes kecemasan kuda selama 7 jam.

"Namun tanpa disangka-sangka kuda tersebut menghembuskan nafas terakhir di depan kami semua.





"Kematian kuda tersebut sangat memberi kesan kepada kumpulan kami, kami tidak dapat menyelamatkan dia. Itulah pengalaman yang tidak dapat dilupakan pada malam tersebut," katanya.

Beliau merupakan Penerima Hadiah Universiti Pingat Emas Putra Agribio pada Majlis Konvokesyen UPM ke-48 hari ini.

Anak kedua dari tiga beradik ini akan memulakan kerjayanya sebagai doktor veterinar pada 9 Disember ini di Vec Veterinary Clinic, Damansara.

"Saya berharap dapat menjadi seorang doktor haiwan di negeri kelahirannya Sabah," ujarnya.

Berita Lain...



Cicada serangga 'nyaring', simpan rahsia ekosistem hutan

[Baca lagi »](#)




UPM Angkat Kearifan Melayu ke Pentas Dunia

[Baca lagi »](#)




AgriHub@Gedong perkukuh inovasi pertanian pintar di Sarawak

[Baca lagi »](#)



UPM anjur Program Profesionalisme dan Penghayatan Rukun Negara perkasa jati diri pelajar

[Baca lagi »](#)



UPM kaji peranan bahasa dalam membangun kepercayaan awam terhadap dasar keterjaminan...

[Baca lagi »](#)



Pertanian Bandar Hubungkan Komuniti, Teknologi dan Kelestarian Alam

[Baca lagi »](#)

Arkib Berita

Terkini

Tahun

[2025](#)

[2024](#)

[2023](#)

[2022](#)

[2021](#)

[2020](#)

[2019](#)

[2018](#)

[2017](#)



Universiti Putra Malaysia

43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
Malaysia

+603-9769 1000
pspk@upm.edu.my

Media

Berita
Artikel
Video
Keratan Akhbar
Dokumen

Hubungi Kami

Maklum Balas

Lain-Lain

UPM Holdings
Nombor Plat UPM
Give to UPM
Tender dan Kontrak
Kementerian Pendidikan Tinggi
UPM AI HUB
Sustainability@UPM



[Disclaimer](#) [Privacy and Security Policy](#) [Copyright](#) [Help](#)

© 2023 Universiti Putra Malaysia

